



# Sikap Rakyat terhadap Politik

**S**esetengah orang menganggap politik ialah bidang yang remeh-temeh. Anggapan sedemikian dibuktikan melalui wujudnya percakapan politik di mana-mana sahaja. Percakapan-percakapan itu, baik di warung kopi atau di ruang tamu di rumah, hanyalah cebisan daripada kandungan politik. Kandungan percakapan selalunya bersifat pujian kepada yang disukai, atau kata-kata nista kepada yang dibenci. Seterusnya, seseorang yang berada dalam kumpulan parti politik tertentu, berbicara tentang kebagusan partinya, dan memburuk-burukkan parti lawannya.

Bagi sesiapa yang bersikap objektif dan akademik, politik ialah bidang kemasyarakatan yang penting, tebal dengan hujahan. Walaupun tidak terlalu rumit untuk difahami, bidang ini menuntut sikap yang saksama dan berlapang dada. Jika pengkaji politik menemu bual ahli parti politik, hakikat politik secara keseluruhan sukar

untuk diperoleh. Biarpun demikian, masalah ini dapat diselesaikan dengan menemu bual ahli-ahli politik daripada parti yang berlainan.

Ahli politik yang partisan selalunya bertindak dengan strategi yang diyakininya. Peninjau dan pemerhati yang menyebelahnya atau yang menentanginya, akan terperangkap dengan sentimen, sama ada suka atau benci kepadanya. Kandungan percakapan politik di warung-warung, atau di ruang tamu di rumah, selalunya berasaskan kesukaan atau kebencian begini.

Ketika makalah ini dimulakan, Dato' Mahfuz Omar, bekas Naib Presiden PAS mengumumkan bahawa beliau keluar daripada PAS (*Berita Harian* 1 Januari 2018). Sebenarnya, saya mendapat tahu hal ini daripada Rozan Azen, tokoh muda Parti Keadilan Rakyat (PKR) sehari sebelumnya. Apabila saya mendapat berita bahawa Mahfuz akan keluar PAS pada jam 11.59 malam,

31 Disember 2017, saya memasukkan beliau ke dalam kalangan ahli politik populis. Beliau memilih tarikh dan waktu yang dapat menarik perhatian. Hal ini merupakan satu kebiasaan populis. Tokoh-tokoh yang sering mengambil kaedah ini, antara lain ialah Dato' Ahmad Maslan yang menyebutkan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) sebagai menurunkan harga barang, dan Dato' Seri Jamal Md Yunus yang pernah memakai tuala untuk satu tindakan politik.

Sama ada peristiwa Dato' Mahfuz Omar mengumumkan keluar parti pada pukul 11.59 malam, Dato' Seri Jamal memakai tuala, atau Dato' Ahmad Maslan mengatakan CBP menyebabkan harga barang murah, kita tidak dapat mengangapnya sia-sia dan bohong. Mereka dapat menyatakan maksud yang munasabah, sekurang-kurangnya munasabah bagi mereka. Mahfuz mahu memulakan tahun 2018 tanpa ada kaitan dengan PAS. Jamal mahu menyatakan sesuatu tentang air. Ahmad Maslan pula dapat membuktikan bahawa harga pakaian memang murah di pasar raya pada hujung tahun, ialah harga lelong. Hujahan lanjut pastilah mengambil ruang yang luas.

Tingkah politik sesetengah tokoh atau pelaku politik sesekali tidak dapat diterima oleh sejumlah rakyat. Misalnya, bolehkah mantan ketua kerajaan, tiba-tiba menyertai tokoh pembangkang, lalu menyerang kerajaan


yang dipimpinnya dahulu? Namun, sama seperti Jamal memakai tuala, mantan pemimpin itu mempunyai alasan. Beliau bebas untuk tidak menyetujui pemimpin yang baharu, yang pernah disokong malah didukungnya dahulu. Beliau boleh berkhawan dengan musuh lamanya. Perubahan besar itu ialah perubahan populis dalam sistem demokrasi. Berkaitan itu, baginya adalah munasabah bagi sebuah parti politik yang ditubuhkannya untuk menentang parti yang didukungnya berpuluh-puluh tahun. Katanya, dalam politik, tiada musuh atau kawan yang kekal. Adalah munasabah dan biasa sahaja, lawan politik yang dipecah dan diperlakukan itu dan ini, kini diajak bersama-sama dalam satu pakatan.

Dalam barisan kerajaan terdapat beberapa parti politik yang bergabung. Sebelum tertubuhnya Barisan Nasional, parti yang menubuhkan kerajaan ialah Perikatan, iaitu gabungan UMNO, MCA dan MIC. Setiap parti dianggotai oleh kaum yang berlainan. Dalam perkiraan rakyat Malaysia, gabungan begini kekal lama sebagai kaedah berpolitik. Maksudnya, setiap parti mempunyai peranan untuk menjaga dan memajukan kaum yang diwakilinya. Apabila Tun Dr. Abdul Razak Hussein, Perdana Menteri Malaysia Kedua mengusahakan penubuhan Barisan Nasional, terdapat parti yang mewakili kaum, dan terdapat juga parti yang dianggotai oleh pelbagai kaum. Parti UMNO, PBB, MIC dan MCA mewakili kaum, dan yang lain, misalnya Gerakan terdiri daripada pelbagai kaum.

Pakatan Pembangkang, pada suatu ketika dianggotai oleh PAS yang terdiri daripada orang Islam sahaja, tetapi sekarang PAS bersendirian. Parti-parti dalam Pakatan Harapan kini tiada yang mewakili agama atau kaum. Sebenarnya, pada sesetengah pihak, parti-parti yang bersifat pelbagai kaum dan agama lebih sesuai menjadi kerajaan pada zaman moden. Namun, di Malaysia, hal ini tidak mudah terjadi.

Sikap rakyat Malaysia secara keseluruhannya masih konservatif. Maksud konservatif yang saya gunakan ini ialah bahawa rakyat menyenangi keadaan sekarang, dan usaha untuk menukar kerajaan sentiasa berdepan dengan kesulitan. Apabila Tun Dr. Mahathir memulakan usaha untuk menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional, baik sekarang mahupun ketika zaman Tun Abdullah Badawi, dapat kita agak bahawa hal itu hanyalah ujian populariti.

Dalam urat fikiran rakyat yang bersikap konservatif, apa-apa yang ada tidak usah ditukar selagi keadaannya sederhana. Tun Dr. Mahathir ditaati secara keterlaluan pada suatu masa dahulu, berasaskan sikap konservatif





Kelebihan yang ada pada kerajaan dapat dilihat pada setiap hari, manakala parti pembangkang pula menawarkan janji yang belum terbukti.

juga. Semua perdana menteri sejak Tunku Abdul Rahman lagi tahu akan hakikat ini. Segala kenyataan, baik yang betul apatah lagi rekaan, bahawa negara diancam kepincangan atau sedang menuju kehancuran, tidak akan diterima. Kehebohan tentang harga minyak yang naik, diimbangi dengan pemerhatian bahawa kereta amat banyak di jalan raya. Keadaan banyaknya kereta itu menandakan rakyat bukan sahaja mampu membeli minyak, malah mampu membeli kereta yang juga mahal. Setiap rumah di beberapa banyak tempat memiliki beberapa buah kereta, sehingga masalah yang dihadapi ialah ketiadaan tempat letak kereta.

Harga makanan di mana-mana pun dapat dikatakan mahal. Namun begitu, di sesetengah restoran mewah, orang beratur untuk masuk, malah terpaksa menunggu kerana tiada meja yang kosong. Keadaan ini melukiskan kehidupan rakyat Malaysia, tanpa kita nafikan kawasan kemiskinannya pula.

Mereka yang berada dalam kemiskinan telah mendapat penjelasan, bahawa nasib mereka akan berubah jika pelajaran diutamakan. Dengan pengetahuan itu, rata-rata penduduk yang tergolong dalam golongan miskin, memberikan semangat kepada anak-anak mereka agar mendapatkan pelajaran setinggi-tingginya. Jika anak-anak itu gagal ke universiti atau ke pusat pengajian tinggi yang lain, sijil SPM atau yang di bawahnya, sudah menjamin akan ada kerja yang berpadanan untuk mereka. Hal ini merupakan gambaran pada tahun 1960-an.

Pada tahun-tahun dan dekad-dekad kemudian, rakyat melihat pencapaian mantan para pelajar. Mereka menjadi pegawai tinggi, kerani, guru dan aneka jawatan lain. Antara mereka ada yang menyertai bidang politik, mendapat tempat bukan hanya sebagai wakil rakyat, malah menjadi menteri dan timbalan

menteri. Pada tahap ini, jika hendak dikatakan sistem dan pelaksanaan pentadbiran atau pemerintahan Kerajaan Malaysia serba kekurangan, tidaklah mudah diterima. Namun, selaku organisasi manusia, kekurangan tetap boleh dicari.

Politik peruloh difahami mengikut pola ini, atau pola lain yang menjamin ketenteraman. Apabila tiba masa pilihan raya, pengundi akan membuat pilihan yang bijak melalui penilaian hal-hal begini. Misalnya, jika keadaan kini serba kekurangan, bayangkanlah keadaan yang lebih sempurna. Pihak pembangkang akan menawarkan cara dan gaya pemerintahan yang berbeza, namun pengundi berhak menilai perbezaan yang dijanjikan itu. Selain itu, pembangkang juga akan menjanjikan kejujuran, kebijaksanaan dan istilah yang paling sering digunakan ialah integriti.

Konservatisme ialah aliran pemikiran yang menyatakan bahawa betapa baiknya keadaan yang sedia ada. Keadaan yang sedia baik ini hendaklah diusahakan agar lebih baik. Pemikiran konservatif tidak menganjurkan pertukaran, kerana pertukaran ialah perjudian, boleh jadi "menang" dan boleh jadi "kalah". Ertinya, walaupun sering diperdengarkan janji bahawa perubahan ke arah kemajuan akan dibawa oleh pembangkang jika mereka mengambil alih, dalam pemikiran konservatif, ada kemungkinan perubahan akan berlaku ke arah yang negatif.

Selain pemikiran konservatif, rakyat rata-ratanya memiliki sikap feudal. Dalam konteks menyatakan hal ini, makna feudalisme dihadkan melalui hubungan kesetiaan rakyat kepada pemimpin. Ertinya, hanya hal kesetiaan sahaja yang diambil kira.

Jika kita berbalik pada legenda Hang Tuah, kita dapati sikap setialah yang menyebabkan Hang Tuah rela dihukum bunuh walaupun dia tidak bersalah. Bendahara tidak melaksanakan hukuman itu. Hang Jebat

menentang sikap itu, lalu membela Tuah. Akhirnya, Tuah kembali membunuh Jebat.

Kesetiaan Hang Tuah masih kekal di jiwa masyarakat. Penentang Hang Jebat walaupun ada, masih dianggap terencil. Jumlah yang besar masih berjiwa Hang Tuah. Hal ini telah disuarakan dengan baik oleh Hashim Yaacob melalui sebuah puisi yang berjudul "Bicara tentang Tuah dan Jebat". Puisi itu dengan bijaksana melukiskan ciri utama masyarakat kita yang masih mengutamakan keadaan sedia ada. Keadaan sedia ada lebih menjamin keselamatan, manakala sikap progresif dan revolusioner akan menyusahkan diri. (*Aku Hanya Mahu ke Seberang*, Kuala Lumpur: Pekan Ilmu Publications Sdn Bhd. halaman 21 - 22).

Dalam sistem demokrasi, rakyat berpeluang memilih wakil rakyat, dan seterusnya memilih kerajaan. Selanjutnya, hak rakyat untuk memilih kerajaan yang dijanjikan oleh pihak pembangkang yang belum terbukti, atau kerajaan yang sedia ada. Dalam kempen, masing-masing menyatakan kelebihan. Kelebihan kerajaan yang sedia ada dapat dilihat dan ditinjau setiap hari, manakala kelebihan pihak pembangkang (yang menawarkan bakti untuk berkhidmat) berada pada tahap janji. Dalam realiti di Malaysia kini, Pulau Pinang, Selangor dan Kelantan berada di bawah pentadbiran parti bukan Barisan Nasional.

Jadi, rakyat dapat menilai keberkesanan masing-masing, berbanding dengan negeri-negeri lain yang berada di bawah Barisan Nasional.

Dalam Barisan Nasional sendiri, pemimpin-pemimpin berubah. Apabila pemimpin yang berada dalam BN keluar, rakyat melihatnya berada luar kekuasaan. Oleh sebab kekuasaan dikaitkan dengan parti, maka kita dapati peralihan atau lompatan seseorang daripada parti pemerintah kepada parti pembangkang tidak terlalu membawa kesan. Apatah lagi apabila mantan pemimpin menubuhkan parti baharu, bukannya menyertai parti yang sedia ada. Penubuhan parti baharu, dalam perkiraan rakyat umum, lebih menandakan hasrat menjadi ketua, bukan hasrat berjuang bersungguh-sungguh demi satu idealisme.

Kesimpulannya, demokrasi mengizinkan pemilihan pemimpin oleh rakyat, dan pertimbangan rakyat banyak bergantung pada harapan. Sejauh ini, penulis berpandangan bahawa rakyat Malaysia lebih berat pada konservatisme, sentiasa bersikap taat kepada pemimpin, dan juga berasa selesa berada dalam sistem sedia ada.

Penulis ialah Ketua Satu, Persatuan Penulis Wilayah Persekutuan, Putrajaya (PEWIRA).

